

## Bersama menjaga kebersihan sungai

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
 Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



GREEN Brunei dengan kerjasama Mitsubishi Corporation (Brunei Liaison Office) menganjurkan Kempen Kebersihan Sungai yang mengambil tempat di Kampung Sungai Siamas.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 15 Oktober. - Dalam hasrat membantu kerajaan dan negara bagi memastikan negara sentiasa dalam keadaan bersih dan hijau, Green Brunei dengan kerjasama Mitsubishi Corporation (Brunei Liaison Office) hari ini menganjurkan Kempen Kebersihan Sungai yang mengambil tempat di Kampung Sungai Siamas.

Pengasas Bersama dan Pengarah Penglibatan Masyarakat Green Brunei, Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari menjelaskan, selain bertujuan untuk membersihkan sekitar sungai, apa yang penting melalui kempen berkenaan adalah manfaat pendidikan yang diperolehi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan, selaku wakil peribadi Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun Ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Maeda Toru; wakil Mitsubishi Corporation, Tadashi Hara; Pegawai Daerah Brunei dan Muara, ketua-ketua kampung daripada keempat-empat zon Kampung Ayer dan Guru Besar Sekolah Rendah Sungai Siamas.

Seramai 90 sukarelawan menyertai aktiviti berkenaan yang terdiri daripada penuntut dari Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei

(UTB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Sekolah Rendah Sungai Siamas berserta wakil dari Sekretariat Perubahan Iklim Brunei (BCCS), Kedutaan Jepun di NBD, dan penduduk kampung.

Para sukarelawan berjaya mengumpul sebanyak 443 kilogram sampah, iaitu 118 plastik sampah dari sungai serta tebing sungai menggunakan bot.

Sampah-sampah terdiri daripada botol-botol plastik, pintu peti sejuk, alas-alas kerusi, sungkup muka, pembungkus makanan, almari dan sebagainya.

Kempen berkenaan adalah salah satu projek Environmental Education, yang disokong oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe); Jabatan Bomba dan Penyelamat; dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara.

Dengan inisiatif untuk mengurangkan pencemaran sungai, kempen juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang sungai yang bersih bagi masa depan yang lestari.

Pada masa yang sama, ia juga bertujuan bagi mendidik dan menggalakkan kesedaran awam dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar melalui kepentingan pembuangan sampah yang betul.